

09 SEP 2003

M'SIA-CIP/I

M'SIA AMBILALIH HAK HARTA MIKROCIP PALING TERMAJU DI DUNIA

PUTRAJAYA, 9 Sept (Bernama) -- Malaysia hari ini mengambilalih hak harta kepada mikrochip paling termaju di dunia yang dikenali sebagai Mikrochip Malaysia (MMChip).

MM chip berukuran 0.25 mm persegi -- kira-kira saiz satu titik perpuluhan -- dan boleh disematkan dalam kertas. Ianya berguna untuk pelbagai tujuan, seperti penggantian tanda kod bar pada barang-barang runcit, bagi membezakan antara wang kertas tulen daripada yang palsu, dan bagi kegunaan dalam pasport.

Pengambilalihan itu ditandai melalui penandatanganan satu perjanjian antara kerajaan Malaysia dan First Hill Electronics Co. (M) Sdn Bhd di pejabat Perdana Menteri. Ia disaksikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perjanjian itu memberikan Malaysia hak merekabentuk cip mikro itu dan pengeluaran serta pemasarannya.

MM chip ialah satu RFID (pengenalan frekuensi radio jenerasi akan datang) cip pelbagai jalur, yang bermakna ia juga boleh digunakan di Amerika Syarikat dan Eropah yang menggunakan frekuensi RFID standard yang berbeza daripada di Jepun.

Dr Mahathir berkata, cip itu akan dikeluarkan pada awalnya di Jepun tetapi kemudiannya akan dikeluarkan di Malaysia di kemudahan Silterra Malaysia Sdn Bhd, sebuah pengilang semi-konduktor berpangkalan di Taman Teknologi Kulim.

Bagaimanapun, perdana menteri enggan menyatakan jumlah wang yang dibayar kepada FEC Inc, sebuah syarikat R&D di Jepun yang merekabentuk cip itu.

Harganya berpatutan, katanya.

Ketika ditanya bila Malaysia dijangka mendapat semula pelaburannya, Dr Mahathir berkata, "Adalah lebih penting untuk mengetahui dan memahami teknologi itu yang berguna bagi Malaysia.

"Kami tidak melihat kepada wang tetapi lebih kepada kemajuan teknologi," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian itu.

Dr Mahathir berkata, cip mikro itu mempunyai antena terbina di dalam, tidak seperti seperti cip mikro yang ada sekarang, boleh digunakan untuk pelbagai aplikasi daripada kesihatan kepada keselamatan.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim dan ketua pegawai eksekutif FEC Malaysia Sdn Bhd Kunioki Ichioka.

FEC Malaysia ialah usahasama 50-50 antara kerajaan Malaysia dan FEC Inc. Jepun. -- BERNAMA

WNZ MAM MKO SD AHM